


SULIT

Nama

Kelas



MAJLIS GURU BESAR DAERAH JEMPOL

**PENTAKSIRAN PRA UPSR TAHUN 2017
BAHASA MELAYU - PENULISAN
TAHUN 6**

012

Ogos
1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minut

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis Nama dan Kelas pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi Bahagian C, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1 atau Soalan 2.*
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		10
B		15
C		25
Jumlah		50

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti Kelab Doktor Muda di sekolah.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut.

Tulis satu ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



Bahagian A


1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____



Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan: 25 minit]

Poster di bawah menunjukkan iklan Karnival Keusahawanan Peringkat Daerah Seremban.

Tulis ulasan tentang karnival tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

**Karnival Keusahawanan
Peringkat Daerah Seremban**

Anjuran:
Majlis Perbandaran Seremban

Tarikh:
17 dan 18 Oktober 2017

Masa:
8.30 pagi – 10.00 malam

Tempat:
Stadium Tuanku Abdul Rahman

Pelbagai aktiviti menarik disediakan, antaranya:

- Jualan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Jualan buah-buahan tempatan dengan harga lelong
- Pameran dan pemeriksaan kesihatan percuma
- Pertandingan nyanyian
- Sukaneka
- Cabutan bertuah

Datanglah beramai-ramai untuk membeli sambil menderma.

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Soalan 1

Hutanku,
Flora yang menghias bumi
Sungguh indah
Tiada tandingan
Alam ciptaan-Mu.

Hutanku,
Banyak fungsimu
Menjadi habitat flora dan fauna
Udara segar engkau salurkan
Bersyukur aku kepada Tuhan.

Dua rangkap sajak di atas merupakan sebahagian daripada rangkap sajak "Hutanku".

Rangkap di atas memaparkan bahawa hutan mempunyai pelbagai fungsi kepada kehidupan di bumi ini.

Berdasarkan sajak tersebut, tuliskan sebuah syarahan bertajuk "Cara-cara Memelihara Hutan".

Tulis syarahan kamu itu selengkapnya.

ATAU**Soalan 2**

Gotong-royong merupakan satu amalan murni yang harus dipupuk dalam masyarakat. Justeru, sekolah kamu telah mengadakan aktiviti gotong-royong sebagai acara tahunan. Murid-murid, guru-guru dan ibu bapa terlibat dalam menjayakan aktiviti tersebut.

Perihalkan pengalaman kamu dalam aktiviti gotong-royong itu.

